



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI**  
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

## **KENYATAAN MEDIA**

### **MEDAC SAMBUT BAIK 'PEMERKASA' BAGI MEMBANTU PKS DAN KOPERASI**

**Putrajaya, 18 Mac 2021** – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) menyambut baik inisiatif yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) yang memberi lima fokus utama program pemulihan dan pemerikasaan ekonomi sepanjang tahun 2021.

Menurut YB Dato Sri Dr. Hj Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, “MEDAC amat komited bagi memastikan inisiatif yang diumumkan ini dapat dinikmati segera oleh para usahawan yang disasarkan agar aktiviti perniagaan mereka dapat diteruskan dan dapat dipulihkan kesan daripada kelembapan ekonomi akibat penularan pandemik COVID-19”.

MEDAC telah mengenalpasti serta menyokong pemberian insentif yang berkaitan usahawan dan koperasi seperti berikut:

1. Geran Khas Prihatin atau GKP 3.0. Setiap perusahaan mikro dan PKS yang layak akan menerima bantuan one-off sebanyak **RM1 ribu** dan dijangka akan memanfaatkan lebih sejuta usahawan.
2. Dana pembiayaan tambahan sebanyak **RM500 juta** bagi kemudahan pembiayaan mikro kredit melalui program-program di bawah BSN, TEKUN, MARA dan SME Corp.
3. Bagi usahawan sektor informal, TEKUN Nasional akan menyediakan dana tambahan sebanyak **RM60 juta**,terutamanya untuk Skim Pembiayaan Informal dengan had pembiayaan sehingga RM5,000 bagi perniagaan secara kecil-kecilan daripada rumah, pasar malam dan pasar tamu.
4. TEKUN Mobilepreneur akan diperluaskan untuk pembiayaan membaik pulih atau membeli motosikal baharu dengan had sehingga **RM10 ribu**.
5. TEKUN juga akan memperkenalkan program TEKUN POS-preneur di mana pemohon dapat menjana pendapatan melalui kontrak penghantaran barangan. Bantuan pembiayaan diberikan sehingga 20

- ribu ringgit untuk tujuan baik pulih kenderaan, dan sehingga **RM50 ribu** untuk pembelian van atau lori.
6. SME Corp. akan menyediakan **RM50 juta** untuk membantu PKS tempatan mendapatkan pembiayaan sehingga RM250 ribu pada kadar faedah juga serendah 3 peratus.
  7. Suruhanjaya Koperasi Malaysia akan menyediakan insentif pembiayaan sehingga **RM100 ribu** tanpa cagaran bagi membantu koperasi yang terkesan. Permohonan pembiayaan ini akan dipermudahkan dan proses kelulusan akan dipercepatkan dengan memberi kelonggaran bayaran balik selepas enam bulan pembiayaan diluluskan. Sejumlah **RM50 juta** dari Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia akan diperuntukkan yang dijangka dapat membantu lebih 14,000 koperasi.
  8. SME Bank akan menyediakan dana pinjaman **RM200 juta** untuk membiayai pembelian mesin dengan insentif geran sehingga 20 peratus ke atas nilai mesin.
  9. Pemerkasaan usahawan wanita melalui Kempen e-Dagang PKS dan PKS Mikro, serta Program Shop Malaysia Online, dana sebanyak **RM30 juta** untuk membantu mereka beralih ke pasaran dalam talian. Sebagai tambahan, BSN juga akan menyediakan sejumlah RM50 juta bagi Skim Pembiayaan Mikro PEMERKASA-NITA untuk memberi galakan usahawanita menceburi bidang perniagaan.
  10. Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) akan ditambah peruntukan bagi melahirkan seramai **250 usahawan belia** Bumiputera baharu. Manakala, program New Gen Entrepreneur Online Bootcamp akan diperkenalkan bagi tujuan latihan penyediaan serta bimbingan perniagaan secara dalam talian kepada **2,000 orang usahawan belia**.

MEDAC bersedia untuk membantu dalam menyalurkan segala insentif PEMERKASA kepada para usahawan dan koperasi yang terkesan. Dengan pengumuman ini diharapkan agar para usahawan dapat meneruskan kelangsungan operasi perniagaan mereka dalam tempoh yang sukar ini.

## **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**